



INFORMASI

“ BERINFORMASI, TERKINI
DAN SENSASI ”

KELUARAN FEBRUARI 2005

EDISI PERTAMA

KEMPEN BUDI BAHASA 'GEMERLAPAN BUDI GEMILANG BANGSA'



POLITEKNIK PORT DICKSON,
KM 14, JALAN PANTAI,
71050 SI RUSA, PORT DICKSON, NEGERI SEMBILAN.

SIDANG REDAKSI!

"INFORMASI"

PENASIHAT : PN. ROSILAWATI BINTI AHMAD KHALIL

EXCO PENERBITAN : 1. MOHD HASROL B. HASSIM
(06DKA02F537)
2. SITI NURUL AZIMAH BT SULAIMAN
(06DKM04F037)

KETUA EDITOR : NORSHILA BT. ABU SHARI
(06DKA02F526)

KETUA UNIT BULETIN : 1. NOR SYAFIRA BT. ZULFAQAR
(06DKM04F040)
2. MOHD. SAFWAN BIN ROSLAN
(06SKE04F014)

WARTAWAN KAMPUS :

- MOHD HAFEEZAN B. ABD MANAF
(06SKE04F002)
- MOHD FAUZAN BIN AYOB
(06SAD04F030)

WARTAWAN KAMSIS :

- NOR SYAFIRA BT. ZULFAQAR
(06DKM04F040)
- NOR ASLIDA BT. ALUWI
(06SKM04F509)

WARTAWAN JPP :

- MOHAMAD ASRI BIN YAACOB
(06SAD04F041)

WARTAWAN KARYA :

- MOHD. SAFWAN B. ROSLAN
(06SKE04F014)

'To success with excellent which I need ambitious attempt'
'Everyone think of changing the world
but no one think of changing himself'

KATA-KATA ALUAN EXCO PENERBITAN JPP SESI JANUARI 2005

Assalamualaikum w.b.t dan salam sejahtera saya ucapkan kepada semua warga Politeknik Port Dickson. Saya amat bersyukur kehadiran Allah s.w.t kerana dengan limpah kurnianya bertemu kita dalam keluaran pertama **'Informasi'** sesi Januari ini.

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan tahniah kepada sidang Redaksi **'Informasi'** diatas daya usaha mereka untuk menerbitkan buletin ini. Dikesempatan ini, saya ingin berkongsi maklumat dengan anda mengenai aktiviti yang dijalankan di Politeknik Port Dickson yang dimuatkan di dalam **'Informasi'** ini. Untuk maklumat anda kami Exco Penerbitan JPP sesi Januari 2005 ini akan menerbitkan 2 keluaran **'Informasi'** iaitu pada keluaran Februari dan April.

Bersesuaian dengan tema Exco Penerbitan **"BERINFORMASI, TERKINI DAN SENSASI"** kami berkeyakinan segala rangkuman maklumat yang di sampaikan ini akan melahirkan siswa dan siswi yang berintelektual, berketerampilan, serta kreatif dan kritis dalam era globalisasi dunia bagi mencapai Wawasan 2020.

Semoga dengan adanya penerbitan **'Informasi'** ini kita dapat berkongsi maklumat dan membuka minda kita terhadap perkembangan semasa. Akhir kata saya mengucapkan setinggi penghargaan kepada semua warga kerja buletin **'Infomasi'** dan semua yang terlibat dalam penerbitan kali ini.

SITI NURUL 'AZIMAH BT SULAIMAN
EXCO PENERBITAN JPP,
Sesi Januari 2005

CARTA ORGANISASI JAWATANKUASA PERWAKILAN PELAJAR

BIL	JAWATAN	NAMA	NO. PEND
1	YDP	FAHRUL REZA B. MASNON	06DSB04F310
2	NYDP	MARYATI BT. MOHAMADIAH	06DPR02F006
3	SETIAUSAHA	NOREEN NORSYAHEEDA BT. AMIN NORDIN	06DSK03F057
4	NAIB SETIAUSAHA	SITI AMILIA BINTI YAMAN	06DKE02F044
5	BENDAHARI	NORLIA BT. ALUS	06DAT02F048
6	NAIB BENDAHARI	LAU HUI YICK	06DAT03F518
7	EXCO PENERBITAN	▪ MOHD HASROL B. HASSIM ▪ SITI NURUL AZIMAH BT. SULAIMAN	06DKA02F537 06DKM04F037
8	EXCO PERPADUAN	▪ BONA VENTURE B. KUROPONG ▪ ERIC YEO CHENG AUN	06DET04F306 06DKA02F009
9	EXCO KELAB DAN PERSATUAN	▪ MOHD FAIRUZ B. MOHD NOOR ▪ MUFIDAH BT IDRUS	06DKA02F035 06DEM04F019

10	EXCO TUGAS-TUGAS KHAS	▪ IKHZAD ASHRIQ B. MOHD SAZALI ▪ MOHD SUFFIAN B. TUSIMAN ▪ MOHD ZAKI B. IDRIS	06DKE02F517 06DKE02F007 06DKM04F032
11	EXCO KEROHANIAN	▪ MOHD AHDZRI FADZRIN JOHARI ▪ ROSNITA BT TAMJIS	06DPR04F036 06DKA02F038
12	EXCO SUKAN	▪ MOHD FAIRUS B. ZAMID ▪ MOHD HAIRUL NIZAM B. ABDUL RAZAK	06DKM02F030 06DKM02F526
13	EXCO KEBAJIKAN	▪ MOHD AZAHARI B. SALLEH ▪ SITI NURAIN BT. ABD KADIR	06DKE02F015 06DKE02F031
14	EXCO JAB. KEJ MEKANIKAL	▪ SAMSUL AMRI B. MANSUR	06DKM02F006
15	EXCO JAB. KEJ ELEKTRIK	▪ MOHD KHAIRUL MUZHAFAR B. MD NOR	06DKE02F021
16	EXCO JAB. KEJ AWAM	▪ A. KADIR JAILANI B. HANAFIAH	06DKA02F008
17	EXCO JAB. PERDAGANGAN	▪ MOHD AZIM B. ASARI	06DPR02F026



PENTADBIRAN JPP




Segala masalah berkaitan dengan JPP anda boleh merujuk kepada individu-individu tersebut:-

BIDANG TUGAS	PETUGAS
PENTADBIRAN	YDP DAN NAIB YDP JPP
KEWANGAN	BENDAHARI DAN NAIB BENDAHARI
URUSAN-URUSAN RASMI	SETIAUSAHA DAN NAIB SETIAUSAHA

- Anda boleh mengadu sebarang masalah yang berkaitan dengan JPP di bilik gerakan JPP (kompleks JPP).

- Mesyuarat mingguan JPP diadakan pada setiap hari Isnin jam 9.00 malam bertempat di Bilik Mesyuarat JPP.



Sebarang masalah atau aduan, anda boleh terus diadukan kepada exco yang bertugas bagi hari-hari berikut:-

BIL	BERTUGAS	HARI
1	• EXCO KEBAJIKAN • NAIB SETIAUSAHA • NAIB BENDAHARI • EXCO KEBAJIKAN	ISNIN
2	• EXCO JAB. PERDAGANGAN • EXCO JAB. KEJ. MEKANIKAL • EXCO JAB. KEJ. ELEKTRIK • EXCO JAB. KEJ AWAM	SELASA
3	• EXCO KELAB & PERSATUAN • EXCO PERPADUAN	RABU

4	• EXCO PENERBITAN • EXCO KEROHANIAN	KHAMIS
5	• EXCO TUGAS-TUGAS KHAS • EXCO SUKAN	JUMAAT



AKTIVITI SUKAN JABATAN

JABATAN KEJURUTERAAN MEKANIKAL


- TARIKH : 21 FEBRUARI - 25 FEBRUARI 2005
- MASA : 4.30 PETANG

ACARA	TEMPAT
BOAL SEPAK	GELANGGANG BOLA SEPAK
BOLA JARING	GELANGGANG BOLA JARING
SEPAK TAKRAW	GELANGGANG SEPAK TAKRAW
PING PONG	DEWAN WAWASAN PPD
BADMINTON	DEWAN WAWASAN PPD
TARIK TALI	PADANG
BOLA TAMPAR	GELANGGANG BOLA TAMPAR
BOLA KERANJANG	GELANGGANG BOLA KERANJANG
BOWLING	PUSAT BOWLING THE STORE

JABATAN KEJURUTERAAN ELEKTRIK

- TARIKH : 21 FEBRUARI - 25 FEBRUARI 2005
- MASA : 4.30 PETANG

ACARA	TEMPAT
TENIS	GELANGGANG TENIS
BOLA TAMPAR	GELANGGANG BOLA TAMPAR
SEPAK TAKRAW	GELANGGANG SEPAK TAKRAW
BOLA KERANJANG	GELANGGANG BOLA KERANJANG
BADMINTON	DEWAN WAWASAN PPD
PING PONG	DEWAN WAWASAN PPD
BOLA SEPAK	PADANG BOLA SEPAK
BOLA JARING	PADANG BOLA JARING



JABATAN PERDAGANGAN

- TARIKH : 28 FEBRUARI - 4 MAC 2005
- MASA : 4.30 PETANG

ACARA	TEMPAT
BOLA SEPAK	PADANG BOLA SEPAK
BOLA JARING	PADANG BOLA JARING
SEPAK TAKRAW	GELANGGANG SEPAK TAKRAW
TARIK TALI	PADANG
BADMINTON	DEWAN WAWASAN PPD
BOLA TAMPAR	GELANGGANG BOLA TAMPAR
TENIS	GELANGGANG TENIS
PING PONG	DEWAN WAWASAN PPD





JABATAN KEJURUTERAAN AWAM

- TARIKH : 28 FEBRUARI-4 MAC 2005
- MASA : 4.30 PETANG

ACARA	TEMPAT
BOLA SEPAK	PADANG BOLA SEPAK
BOLA JARING	PADANG BOLA JARING
FUTSAL	PADANG BOLA SEPAK
BOWLING	PUSAT BOWLING
TENIS	GELANGGANG TENIS
BOLA TAMPAR	GELANGGANG BOLA TAMPAR
SEPAK TAKRAW	GELANGGANG SEPAK TAKRAW
PING PONG	DEWAN WAWASAN PPD



BULETIN KAMPUS



PENDAFTARAN PELAJAR JUNIOR

- Tarikh : 4 Januari 2005
- Hari : Selasa
- Masa : 8.30 a.m- 12.00 p.m

Pendaftaran pelajar junior untuk kemasukan sesi Januari 2005 telah berlangsung di Dewan Wawaan PPD bermula dari jam 8.30 a.m hingga 12.30 p.m. Pelajar daripada setiap jabatan perlu mendaftarkan diri pada hari yang sama.

MINGGU SUAI KENAL (MSK)

- Tarikh : 4 Januari-7 Januari 2005
- Hari : Selasa - Jumaat

MSK telah dijalankan untuk pelajar junior yang baru mendaftar. Para pelajar telah didedahkan dengan corak kehidupan sebagai pelajar IPT. Pelbagai program telah diadakan untuk mewujudkan komunikasi yang berkesan diantara pelajar dengan pensyarah dan sesama pelajar. Program ini telah dirasmikan oleh Pengarah PPD.

PENDAFTARAN PELAJAR SENIOR

- Tarikh : 6 Januari 2005
- Hari : Khamis
- Masa : 8.00 a.m- 12.00 p.m

Pelajar senior sesi Januari 2005 telah mendaftarkan diri untuk meneruskan pengajian di Kampus Politeknik Port Dickson bagi sesi Januari 2005. Pendaftaran telah diadakan di Dewan Wawasan PPD dari jam 8.30 a.m hingga 12.30 p.m.

Kesemua pelajar dari setiap jabatan perlu mendaftarkan diri pada hari tersebut.

MINGGU PENDAFTARAN MODUL

- Tarikh : 7 Januari 2005
- Hari : Jumaat

Pendaftaran modul telah dilakukan oleh setiap jabatan. Pendaftaran dibuat secara manual dan *online*. Pendaftaran ini bagi membolehkan pelajar layak meneruskan pengajian bagi semester yang seterusnya. Bagi pelajar yang mengulang modul atau semester pendaftaran adalah berlainan dari daripada pendaftaran biasa.

PENDAFTARAN KELAB DAN PERSATUAN

- Tarikh : 19 Januari 2005
- Masa : 4.30 petang

Lebih kurang 33 kelab dan persatuan yang ditubuhkan di bawah JPP telah membuka penyertaan mereka kepada semua pelajar.

Politeknik. Objektifnya adalah untuk menarik minat pelajar menyertainya dan ia dapat mengurangkan gejala sosial yang semakin membimbangkan. Selain itu, ia dapat melahirkan mahasiswa / mahasiswi yang bermutu sesuai dengan kehendak semasa.

DEMONSTRASI SILAT CEKAK

- Tarikh : 16 Februari 2005
- Hari : Rabu
- Masa : 9.00 malam
- Tempat : Pusat Pelajar Politeknik
Port Dickson

Persatuan seni silat cekak Malaysia (PSSCM) PPD telah mengadakan Majlis demonstrasi dan penerangan silat cekak serta mengambil pelajar baru yang berminat. Demonstrasi in mendapat sambutan yang menggalakkan daripada para pelajar PPD. Aktiviti seperti dapat mengelakkan para pelajar daripada melakukan perkara yang tidak berfaedah. Ia juga dapat mendisplinkan seseorang dalam menjalankan kehidupan seharian.

TAKLIMAT LATIHAN INDUSTRI

- Tarikh : 19 Februari 2005
- Hari : Sabtu
- Masa : 9.00 a.m -11.00a.m
- Tempat : Dewan Wawasan Politeknik Port Dickson

Taklimat ini melibatkan semua pelajar diploma semester 3 dan pelajar dan pelajar sijil semester 2. Taklimat ini telah disampaikan oleh pegawai Perhubungan dan Latihan Industri Politeknik Port Dickson, En. Rumzi bin Mamat. Taklimat ini bertujuan untuk menunjukkan cara-cara mengisi boring permohonan dan menghantarnya kepada syarikat yang berkaitan.



HARI BERTEMU PELANGGAN

- Tarikh : 23 Februari 2005
- Hari : Rabu
- Tempat : Ruang legar perpustakaan

Hari ini membenarkan mahasiswa/ mahasiswi mengadakan sebarang masalah yang berkaitan dengan pengurusan Politeknik Port Dickson. Para pelajar juga dapat menambah pengetahuan mereka dan mengetahui mengenai tujuan ISO 9002.



ENGLISH LANGUAGE FESTIVAL

- Date : 23 February 2005
- Time : 8.00 a.m-4.15 p.m
- Location : New DK area

The participations of all department is compulsory in participating in the English Language Festival. They will be taking part in the Treasure Hunt, Spelling Bee Contest, Elocution and singing (karaoke) competitions. The competition is still in progress.



BULETIN KAMSIS



PENDAFTARAN PELAJAR ASRAMA

- Tarikh : 4 Januari -6 Januari 2005
- Tempat : Ruang legar Pusat Pelajar
asrama PPD

Para pelajar junior dan senior yang ditawarkan tempat di asrama telah mendaftarkan diri untuk menetap di asrama. Pendaftaran ini telah dikendalikan oleh penyelia dan waden asrama. Pendaftaran telah berjalan dengan lancar.

PERJUMPAAN PELAJAR ASRAMA

i. Pelajar junior

- Tarikh : 6 Januari 2005
- Masa : 2.15 petang
- Tempat : Dewan Wawasan PPD

Para pelajar junior telah diberi taklimat mengenai peraturan dan tatatertib menduduki asrama PPD. Mereka mendengar taklimat daripada ketua waden, En. Wan Mohd Hujjatullah b. Wan Ghazali.

ii. Pelajar senior

- Tarikh : 11 Januari 2005
- Masa : 9.00 malam
- Tempat : Dewan Wawasan PPD


Semester ini perjumpaan pelajar asrama diadakan secara berasingan dengan mengasingkan perjumpaan antara pelajar senior dan pelajar junior. Taklimat tersebut telah disampaikan oleh ustaz Wan Mohd Hujatullah. Pelajar senior telah diberi nasihat supaya menunjukkan tingkah laku

yang baik kerana mereka sebagai 'role model' bagi pelajar junior.

GOTONG-ROYONG PERDANA

- Tarikh : 19 Februari 2005
- Masa : 9.00 a.m-12.00 p.m

Semua penghuni asrama diwajibkan untuk menyertai aktiviti gotong-royong perdana untuk membersihkan dan menceriakan bilik, tandas, paras dan sekitar blok serta membersihkan tempat pembiakan nyamuk aedes. Kempen ini bertujuan membasmi tempat pembiakan nyamuk aedes dan membersihkan kawasan sekitar asrama supaya menjadi kamsis yang selesa didiami oleh para pelajar.



BULETIN FOKUS

KEMPEN BUDI BAHASA

- Tarikh : 28 Februari-10 Mac 2005
- Motto : "Gemerlapan Budi Gemilang Bangsa"

Tujuan kempen ini diadakan adalah untuk memberi kesedaran tentang kepentingan berbudi bahasa untuk menghasilkan insan yang bukan sahaja intelektual dari segi fikiran tetapi dedikasi dalam menjalani kehidupan yang mendatang. Kempen ini juga bertujuan bagi mengelakkan gejala sosial yang semakin menular masa kini di kalangan remaja. Bak kata orang melentur buluh biarlah dari rebungunya begitu juga mendidik masyarakat. Budi bahasa, adap sopan harus ditanam dalam diri setiap lapisan masyarakat.

kiranya kita mempunyai budi bahasa dan adap sopan yang baik. Ia banyak memberikan manfaat bukan sahaja untuk diri sendiri tetapi juga orang lain malahan paling sejuk hati apabila mendengar, "baik budi bahasa si anu, untung mak dan bapanya dapat anak macam dia". Mulai sekarang jadilah seorang yang berbudi bahasa agar `sejuk' perut ibu yang melahirkan kita.

“ Gemerlapan Budi Gemilang Bangsa “



Suburkan sikap bersopan santun, berbudi bahasa

SOPAN santun budaya bangsa Melayu. Hidup tanpa sopan santun ibaratkan seperti pangkalan yang tidak berpenghuni. Miskin harta tidak mengapa, jangan miskin sopan santun budi bahasa. Negara Brunei Darussalam dikenali sebagai sebuah negara yang bersopan santun dan berbudi bahasa. Ini sudah menjadi satu amalan dan adat turun-temurun yang telah diwarisi oleh masyarakat Melayu sehingga sekarang.

Namun, sesetengah golongan masyarakat Melayu sudah lari dari prinsip ini. Budaya-budaya asing banyak mempengaruhi cara hidup tradisi masyarakat kita. Suasana ini menyebabkan generasi baru yang masih mentah tidak mengetahui erti bersopan santun berbudi bahasa yang sebenar. Dalam erti kata hidup bermasyarakat, sikap bersopan santun dan berbudi bahasa perlu ada dan dipertahankan di dalam diri individu itu sendiri. Ini akan menjadikan sesebuah keluarga itu hidup bahagia dan harmoni.

Menyuburkan sikap bersopan santun dan berbudi bahasa itu amat penting. Ia mewujudkan masyarakat berdisiplin, hormat-menghormati, saling bantu-

membantu dan mengeratkan silaturahmi dan hubungan muhibah antara sesama masyarakat. Sikap bersopan santun berbudi bahasa adalah amalan yang mulia di sisi agama Islam dan masyarakat. Seseorang itu akan lebih dihormati dan dipandang mulia. Apa pun yang penting, sikap bersopan santun dan berbudi bahasa perlu dipupuk semasa kecil bermula dari rumah. Ibu bapa yang bertanggungjawab mendidik dan mencorak anak mereka supaya menjadi insan berguna di masa akan datang.

Di negara kita yang mempunyai pelbagai kaum, amalan sikap bersopan santun berbudi bahasa merangkumi dari pelbagai aspek seperti dari segi kehidupan harian, persekolahan, pekerjaan dan sebagainya. Kita mesti sentiasa beradab terutama apabila bertutur atau berinteraksi bersama orang lain. Sikap ini adalah sebagai penawar dalam apa jua keadaan. Apabila kita menerima pemberian atau pertolongan ucapkanlah ‘terima kasih’.

Bersopan santun dan berbudi bahasa juga perlu diserapkan di sekolah. Apabila setiap kali penuntut berjumpa guru atau orang yang lebih tua daripada kita, berilah senyuman dan ucapan ‘Assalamualaikum’ atau lain-lain ucapan yang

sesuai sebagai tanda hormat. Agar guru merasa gembira, dihormati dan sentiasa mesra bersama pelajar atau penuntut di sekolah. Sudah pasti sekolah akan menjadi sebuah institusi pendidikan yang berjaya dan mempunyai pelajar yang berdisiplin.

Selain daripada itu di tempat kerja atau di mana saja, kita perlu ada sikap bersopan santun dan berbudi bahasa. Mengamalkan hubungan berbaik-baik bersama rakan sepejabat, ketua dan juga pelanggan yang memerlukan khidmat kita. Pekerja yang menyenangkan akan membuatkan pelanggan merasa lebih selesa berurusan dengan kita. Semangat kerjasama akan meningkatkan lagi produktiviti bagi mencapai taraf hidup yang lebih tinggi.

Perpaduan boleh tercapai melalui sikap bersopan santun berbudi bahasa. Kelunturan sikap hormat akan menimbulkan permusuhan dan menyebabkan persengketaan dalam masyarakat. Apabila kita bersopan santun berbudi bahasa masyarakat sekeliling akan menyenangi perlakuan kita

Menyedari akan keadaan ini setiap individu perlu menjadikan sifat ini sebagai suatu amalan yang sudah setentunya dapat menjadikan hidup kita harmoni dan bahagia. Negara tidak akan rugi jika kita bersopan santun berbudi bahasa, bahkan negara kita akan bertambah maju, digalati dan dihormati.

Kesimpulannya, kita perlu menyuburkan sikap ini kepada semua pihak. Bekerjasama untuk mengukuhkan sikap bersopan santun dan berbudi bahasa di dalam masyarakat dan menjadikannya sebagai adat tradisi warisan yang berharga untuk bangsa yang tercinta supaya warisan ini tidak akan terus pupus hilang ditelan zaman.



SEJENAK


TIPS BERGAUL DI IPT

- Berhati-hati memilih kawan kerana di sini kamu akan berjumpa dengan bermacam-macam karenah manusia.
- Kuatkan mental dan hati kamu. Sesetengah daripada kamu akan menghadapi kejutan budaya akibat terpengaruh dengan kawan-kawan
- Fokuskan azam kamu '**apa yang kamu mahu di sini**'
- Jangan terlalu percayakan orang yang baru dikenali
- Jangan segan untuk berjumpa dengan kaunselor jika mempunyai sebarang masalah
- Ringankan mulut untuk bertanya jika ada kemusykilan. '**malu bertanya, sesat jalan**'.
- Belajar dengan ikhlas. Jangan lalai sekiranya kamu mula jatuh cinta. Asingkan peribadi dengan pelajaran.

Utk korang baco...!!! terutama lelaki

1. Kalau perempuan tanya: Lawa ke budak pompuan tu?
Makna tersirat: Siapa yang paling lawa? I ke, budak pompuan tu?
2. Kalau perempuan tanya: You dah makan ke belum.
Makna tersirat: Jom pi makan. Lapar ni!
3. Kalau perempuan kata: Lawa-lawa la baju kat sini, yek.
Makna tersirat: Belikanlah untuk I.
4. Kalau perempuan kata: Rasa macam nak pening la.
Makna tersirat ; Tolong picit kepala.
5. Kalau perempuan kata: Letihnya hari ni. Mana nak masak, basuh kain-baju lagi...
Makna tersirat: Kita makan kat luar jelah.
6. Kalau perempuan kata: Kita lebih sesuai berkawan saja.
Makna tersirat : I tak nak kat you. Tak paham-paham ke?
7. Kalau perempuan kata: I suka berkawan dengan you.
You baik, memahami bla bla bla...
Makna tersirat: Hish... I rasa macam minat sesangat ka you .Rasa macam nak jadi awek you je.

8. Kalau perempuan tanya: You pernah tak teringatkan awek you yang dulu?
Makna tersirat: Kalau nak gaduh, kalau berani sangat, sebut la nama dia depan aku.
9. Kalau perempuan kata: I sanggup berkorban demi kebahagiaan you.
Makna tersirat: Amboi! Aku kena berkorban. Habih, hangpa dua ekoq gak yang seronok.
10. Kalau perempuan kata: I tak kisah kalau memang betul you nak kahwin lagi satu.
Asalkan you berterus-terang dengan I, bersikap jujur dan berlaku adil.
Makna tersirat: Sapa kata aku tak kisah? Adil ke tak adil, aku tak kira! Langkah mayat aku dulu sebelum nak menikah lagi satu.



Safwan (SKE 2- S1)

UNTUK AWEK KU !!!

“Aku sayang gile kt awek aku”..

Saya suka sgt tengok jari-jemari awek saya...cantik betul.. sungguh! sampai takut nak pegang...bukan takut patah tau... tapi takut nanti jari-jemari kitorang tak boleh tolong each other di satu hari yang giler forever depan yang maha Esa...

saya suka tengok rambut awek saya...cantik betul... sungguh! sebab tu saya belikan dia tudung... hmm, bukan sebab jeles orang lain tgk plak tau.... tapi, sebab saya nak tgk rambut iklan pantene dia tu sampai bila2... takut nanti dibakar dek api neraka, di suatu hari yang giler forever...

saya suka tgk body awek saya...solid betul... sungguh! sebab tu saya belikan dia telekong supaya mase die ‘dating’ dgn Kekasih die Yang Utama, dia jaaauh lg cantik dan berseri menghadapNya. saya pun tumpang dapat pahala. pergh, syoknye...

saya sedih sgt bile tengok awek saya tak

tido, tak makan, sbb rindu kat saya... saya pun macam tu jugak, ada problem yang sama.. die tanya apa ubatnya?... saya pun bagi die Quran untuk penenang jiwa... semoga lebih cintakanNya drpd saya...

saya sedih tengok awak saya selalu pesan macam2 kat saya.. “makan, minum, jaga diri, drive elok2 tau.. nanti awak sakit saye susah ati... bla bla bla bla” katenya.. tapi bila tengok movie sama2, burn asar maghrib gitu aje, die tak kata satu aper pun.. Hai... berdosanye saya....

kesimpulannya saya memang sayang sgt kt dia.. nak jumper die, bersama dia, giler forever.. yang ever punye forever.. di dunia dan akhirat terutamanya, janji nak share heaven sama2.. kekal bahagia, selamanya...

semoga kami saling mengingatkan, dosa sendiri pun infiniti... nak tanggung dosa dia lagi pulak lepas ni... semoga kami menginsafi diri... Ya Allah, ampunkanlah kami.... semoga kami dapat kekal bersama selamanya, di syurga nanti...

Amin...

Safwan (ske 2 - s1)

HEBAHAN

HARI KONVOKESYEN

- Tarikh : 31 Mac 2005
- Tempat : Dewan Wawasan PPD

Hari konvokesyen akan diadakan bagi graduan yang telah menamatkan sesi pengajian mereka pada tahun lepas. Semua jabatan terlibat semasa hari konvokesyen tersebut diadakan. Para graduan yang telah menamatkan pengajian mereka dengan jayanya akan layak menerima sijil dan diploma.



MINGGU PENGHAAYATAN ISLAM (EXCO KEROHANIAN)

Tarikh : 16 Mac 2005

- Exco Kerohanian Ceramah dan Tayangan Tsunami sempena Maal Hijrah 1426.
Berceramah Bersempena Maal Hijrah

-Tempat : Pusat Islam

-Tarikh : 23 february 2005

-Masa : 7.00-10.30 malam

-Penceramah :

i. Ustaz Yazid bin Jaafar (ceramah)

ii. Dr.Zainurashid b. Zainudin


Mari kita sama-sama meningkat Ukhwah dan Keimanan dengan menyertai Minggu penghayatan Islam.

**'IsLaM iTu InDaH
IsLaM iTu mUdaH'**

GOTONG-ROYONG PERDANA PPD (EXCO PERPADUAN)

- Tarikh : 23 April 2005
- Terlibat : 20 Orang dari setiap Jabatan
- Aktiviti : Gotong- Royong dan Sukaneka
- Tempat : Kg Teluk Kemang
- Masa ; 8.00 pagi -5.30 petang

Gotong-royong ini diadakan untuk merapatkan hubungan sillaturrahim antara pelajar poli PD dengan orang luar. Disamping itu, kempen ini dapat meningkatkan semangat bekerjasama dan tolong menolong diantara satu sama lain.



KEMPEN DERMA DARAH (EXCO KEBAJIKAN & EXCO TUGAS-TUGAS KHAS)

- Tarikh : 3 Mac 2005
- Kerjasama antara : Exco Tugas-tugas Khas, persatuan Bulan Sabit Merah dan Hospital Besar Seremban

Objektif kempen ini diadakan untuk membantu tabung darah Malaysia. Disamping itu, Ia juga dapat meningkatkan keprihatinan warga poli PD terhadap insan-insan yang sentiasa mengharapkan pertolongan.



CARTA ORGANISASI EXCO PENERBITAN SESI JANUARI 2005

PENASIHAT

PN. ROSILAWATI BT AHMAD KHALIL

PENGERUSI BERSAMA

MOHD HASROL HASSIM
SITI NURUL AZIMAH SULAIMAN

SETIAUSAHA

SITI NOR SYAWIAH BT KAMIS

NAIB SETIAUSAHA

NOREZUAN B. ABD GHANI

BENDAHARI

ZULFAKAR ALI B. JOHARI

NAIB BENDAHARI

NOR AZIRAH BT AZIZ

KETUA EDITOR

NORSHILA BT. ABU SHARI

UNIT BULETIN

NORSYAFIRA ZULFAQAR

UNIT MAJALAH

GEORGE G. TUGGUNG JR

UNIT EDARAN

MD YUNUS B. MD YUSOFF

UNIT FOTOGRAFI

MOHD FADZLI ROSLAN

UNIT PERCETAKAN

MOHD KHAIRUL NIZAM B. HAMZAH

LAWAK KAMPUS



Dicetak oleh **Fast Copy Enterprise (Offset Printer)**, 16, Jalan Lombong Emas 8, S'ban Light Industrial Park, Jln. Tun Dr. Ismail, 70200 Seremban. Tel: 06-7649735.- Specialist in Printing Souvenir Programmes & School Magazines.

AT-10-TION

BOYS

&

GIRLS

HANTARKAN KARYA-KARYA KREATIF ANDA KEPADA

EXCO PENERBITAN
JAWATANKUASA PERWAKILAN PELAJAR
POLITEKNIK PORT DICKSON
SESI JANUARI 2005

NANTIKAN!

EDISI SETERUSNYA...TUNGGU!!!
LEBIH KREATIF & BERINFORMASI

